ARKIB : 04/03/2011

Pengaruh dan kemasyhuran Ikhwan Muslimin

Oleh DR. SAODAH ABD RAHMAN

DI Mesir misalnya Pergerakan Jamaah Islamiyyah yang terkenal sebagai Tanzim al-Jihad dan Takfir wa'l-Hijrah merupakan pergerakan yang paling radikal dan sering menunjukkan keganasan demi membentuk negara Islam. Hasil daripada tindakan dan ideologi radikal oleh pergerakan-pergerakan Islam tersebut, maka persatuan atau pergerakan Islam yang lain turut disalahtafsir oleh masyarakat luar.

Di negara Mesir juga, jumlah pergerakan Islam melebihi 300 persatuan atau pergerakan. Di antara pergerakan paling berpengaruh dan termasyhur ialah Ikhwan al-Muslimin (Ikhwan) yang ditubuhkan oleh Hasan al-Banna pada 1928.

Kekuatan dan kemasyhuran Ikhwan bukan berdasarkan kepada perjuangan politik seperti mana pergerakan Islam lain yang mana kuasa untuk memerintah dan menerajui negara merupakan matlamat perjuangan mereka. Ikhwan diterajui oleh pemimpin yang mempunyai karisma yang tinggi dan memiliki ilmu pengetahuan dalam bidang konvensional dan tradisi Islam. Ini merupakan ciri-ciri yang wujud dalam peribadi Hasan al-Banna, tokoh pergerakan Islam yang terkenal di dunia.

Kebijaksanaan Hasan al-Banna dalam menggariskan polisi Ikhwan yang berlandaskan kepada pengajaran Islam seiring dengan struktur pelbagai aktiviti, terutamanya dalam hal ehwal kebajikan dan program sosial menjadikan Ikhwan satu pertubuhan Islam yang paling berpengaruh di Mesir. Ia bermula sebagai satu organisasi sosial yang menumpukan perhatian kepada pengajaran Islam, mendidik dan mengajar golongan buta huruf, menubuhkan hospital dan syarikat perniagaan dan perdagangan.

Kejayaan Ikhwan membentuk satu pergerakan Islam yang terkaya, moderat dan berpengaruh di Mesir juga berkaitan dengan objektif dan visi yang menjurus kepada kepentingan masyarakat dan negara bukan kepentingan politik dan individu.

Di antara objektifnya ialah menyertai kebajikan umum dan perkhidmatan masyarakat pada bila-bila masa dan keadaan mengizinkan; mengukuhkan kemakmuran negara; membebaskan dunia Islam daripada penjajahan; menganjurkan keamanan sejagat dan tamadun Islam berlandaskan prinsip Islam; membina kembali negara Islam dan menyatupadukan Mesir dengan negara Islam lain berdasarkan prinsip Islam, selain memperkukuhkan umat Islam secara mengikuti dan mengamalkan ajaran undang-undang dan akhlak Islam.

Berdasarkan objektif tersebut, para pemimpin dan ahli-ahli Ikhwan bergerak begitu aktif dalam kegiatan kebajikan sosial, ekonomi dan negara walaupun tidak menerajui pemerintahan. Kejayaan Ikhwan membina institusi sosial ekonomi yang merangkumi institusi pelaburan yang boleh mencabar institusi pelaburan kerajaan, perniagaan serta kebajikan masyarakat menunjukkan bahawa pergerakan ini boleh dianggap sebagai *'state within the state*'.

Dalam sektor ekonomi, Ikhwan boleh menandingi kerajaan Mesir yang mana pada tahun 1980-an, pergerakan ini memiliki tujuh syarikat terpenting negara, perusahaan dan penerbitan seperti syarikat perlombongan dan galian, syarikat perdagangan dan kerja-kerja kejuruteraan dan syarikat penerbitan Islam dan akhbar-akhbar harian.

Mereka juga memiliki syarikat-syarikat pelaburan. Syarikat pelaburan terbesar ialah al-Rayyan dan pada pertengahan 1980-an, syarikat pelaburan milik Ikhwan dilaporkan media memiliki di antara AS$5 bilion hingga AS$15 bilion. Ikhwan walaupun mempunyai pengaruh yang kuat di Mesir tetapi tidak dibenarkan berdaftar sebagai parti politik. Berdasarkan kepada perundangan dan konteks semasa, Ikhwan lebih menumpukan perhatian kepada kegiatan ekonomi dan sosial, dan membenarkan ahli-ahlinya melibatkan diri dalam politik dengan menyertai parti lawan seperti parti Pakatan Islam dalam Pilihan Raya Umum (PRU) tahun 1987.

Pada PRU 1984, ahli Ikhwan bergabung dengan Parti Wafd. Pada PRU 1987, ahlinya bergabung dengan Parti Buruh dan Liberal yang merupakan parti lawan terbesar di Mesir. Dalam PRU 2000, ahli Ikhwan mendapat 17 kerusi dalam Parlimen secara bergabung dengan Parti Buruh dan Liberal. Dalam PRU 2005, ahli Ikhwan menduduki 20 peratus kerusi dalam Parlimen.

Ikhwan tidak menggunakan pengaruhnya dalam arena politik untuk menerajui kerajaan Mesir tetapi lebih menumpukan perhatian kepada mereformasikan sistem pemerintahan Islam secara kerjasama dengan parti-parti politik yang wujud di Mesir. Ia merupakan perbezaan di antara Ikhwan dengan pergerakan-pergerakan Islam dalam dunia Islam lain yang mana terlalu ghairah untuk mendapat kuasa tanpa bermuhasabah diri mempersoalkan kemampuan untuk menerajui negara.

Ikhwan walaupun tidak memegang kuasa pemerintah negara tetapi aktiviti dan kegiatan sosialnya yang mana menyerupai sebuah kerajaan prihatin terhadap rakyat. Kematangan para pemimpin Ikhwan mengekalkan statusnya sebagai organisasi sosial walaupun rejim Hosni Mubarak telah digulingkan menunjukkan bahawa Ikhwan bukan pergerakan Islam yang terlalu ghairah untuk mendapat kuasa. Mereka lebih rasional dan berwibawa dalam menentukan masa depan Mesir secara menggerakkan parti-parti politik Mesir dalam menentukan dasar pemerintahan negara berasaskan kepada Perlembagaan Islam tanpa menggunakan kekerasan dan radikal.

Dr. Saodah Abd Rahman, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Source:
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0304&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm&arc=hive